

Jangan baling batu sembunyi tangan — PM

Daripada KHALID MOHD.

FUKUOKA 24 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, sebagai seorang ahli politik, beliau kluatir dengan cara 'baling batu sembunyi tangan' yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan pemimpin.

Merujuk kepada kes Tan Sri Rahim Tamby Chik, beliau berkata: "Sebab itu dari awal-awal lagi saya kata ada udang di sebalik batu. Ada orang yang baling batu sembunyi tangan."

Perdana Menteri menambah, apa yang berlaku dalam kes bekas Ketua Menteri Melaka itu mempunyai kepentingan politik.

Beliau tidak menghuari lanjut, tetapi berkata: "Saya kluatir kerana saya juga ahli politik. Mungkin akan ada orang yang hendak buat cara ini..."

Dr. Mahathir memberikan reaksi ini apabila para wartawan Malaysia memintanya mengulas keputusan Peguam Negara tidak

akan mendakwa Rahim atas tuduhan mengadakan hubungan sulit dengan gadis bawah umur memandangkan tidak ada kes yang kukuh untuk membawanya ke mahkamah.

Beliau juga ditanya apakah nasihatnya kepada pihak akhbar yang membesar-besarkan isu Rahim dengan gadis bawah umur itu.

Jawab Perdana Menteri: "Bukan sahaja akhbar, tapi siapa-siapa juga janganlah menjatuhkan hukuman sebelum kita membuat penelitian."

Tujuan

"Ini bukan soal moraliti, tetapi sebenarnya ada tujuan yang lain. Yang inilah yang saya berasa amat dukacita."

Beliau berkata, kes Rahim didedahkan bukan kerana pihak tertentu itu benar-benar ingin menjaga maruah budak perempuan yang terlibat itu atau kerana ingin memelihara nilai hidup

■ Lihat muka 2

Jangan baling batu sembunyi tangan — PM

yang tinggi, tetapi kerana ada niat lain.

Ditanya sama ada apa yang telah berlaku itu akan mempunyai kesan kepada UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang, Perdana Menteri berkata: "Terpulanglah kepada rakyat sama ada hendak menghukum atau tidak menghukum."

Dr. Mahathir juga mengulas kenyataan bapa budak perempuan itu yang melahirkan rasa

kesal dan kecewa dengan langkah Peguam Negara mendedahkan bahawa anaknya mempunyai hubungan dengan 14 orang.

Kata Perdana Menteri: "Saya ada membaca bahawa ayah budak itu agak marah dengan Peguam Negara kerana mendedahkan kelakuan anaknya, tetapi yang membuat pendedahan, yang memulakannya, ialah budak itu sendiri."

"Sama ada dia (budak perempuan itu) membu-

atnya dengan rela hati atau dipujuk oleh orang lain, tak kiralah. Tetapi pendedahan itu dibuat oleh budak itu sendiri.

"Jadi tak patutlah dianggap bahawa memalukan Rahim tidak mengapa, tapi memalukan budak itu tidak boleh.

"Kalau kita buat pada orang dan selepas itu kita terkena perkara yang sama, kita kena tanggunglah."